

Pelancongan Langkawi tidak terjejas

Um - 4/1/2005 : 4

LANGKAWI 3 Jan. — Tun Dr Mahathir Mohamad yakin sektor pelancongan di Langkawi yang turut dilanda ombak besar tsunami minggu lepas, tidak akan terjejas.

“Pelancong akan terus datang kerana Langkawi adalah tempat menarik serta selamat untuk dilawati,” kata bekas perdana menteri, arkitek pembangunan pulau itu sehingga menjadi antara destinasi pelancongan terkemuka di rantau ini.

“Dalam tempoh terdekat ini, kedatangan pelancong mungkin agak kurang kerana mereka masih terkejut dengan peristiwa berkenaan tetapi apabila keadaan telah kembali normal, pelancong akan kembali,” katanya kepada pemberita selepas melawat pusat penempatan mangsa ombak besar di Sekolah Kebangsaan Kuala Triang dan Telaga Harbour Park, di sini.

Dr. Mahathir berkata pelancong seluruh dunia telah mengenali Langkawi, dan sudah pasti ramai lagi yang mahu datang ke pulau berkenaan.

“Semuanya berfungsi seperti biasa di Langkawi, pengangkutan feri dan penerbangan berjalan seperti biasa, hotel tiada yang ditutup, sistem elektrik dan telefon tidak terjejas,” katanya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, sebelum ini juga berkata bahawa beliau yakin Langkawi akan terus mendapat tempat di kalangan para pelancong walaupun beberapa kampung dilanda ombak besar, yang menyebabkan seorang nenek meninggal dunia di pulau itu.

Kemusnahan

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata beliau mengetahui mengenai kejadian tsunami itu menerusi khidmat pesanan ringkas semasa berada di Kanada.

Menurutnya pada hari itu beliau telah menonton berita mengenai kejadian berkenaan menerusi stesen CNN yang melaporkan Phuket dan Sri Lanka mengalami kemusnahan teruk akibat tsunami.

“Saya tertanya-tanya sama ada Langkawi atau ba-

hagian lain di negara kena ombak itu. Kemudian pada pukul 4 pagi (waktu Kanada) ada orang dari Langkawi menghantar SMS memberitahu pulau itu juga kena.

“Saya menelefon untuk mendapatkan maklumat lanjut bagi memastikan perkara berkenaan,” katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata beliau bersyukur apabila mengetahui keadaan di negara ini tidak seteruk yang dialami di Thailand, Sri Lanka dan Indonesia.

“Jikalau negara kita juga teruk, saya sudah pasti akan pulang lebih awal,” katanya sambil menyatakan selepas bercuti bersama keluarga di Kanada, beliau singgah di Hong Kong dan dari situ terus ke Langkawi untuk meninjau sendiri kesan ombak berkenaan.

Beliau berkata kerajaan telah mengambil tindakan yang pantas bagi membantu para mangsa.

Kepada para mangsa beliau meminta mereka bersabar.

“Memang tinggal di pusat penempatan seperti di

sekolah itu tidak selesa, tapi dalam keadaan bencana macam ini, bersabarlah,” katanya.

Dr. Mahathir berkata beliau turut menyalurkan bantuan berupa air minuman yang dibotolkan kepada mangsa di Aceh, yang bekalan itu telah dihantar dengan pesawat C-130 semalam.

Katanya, dalam situasi bencana yang dahsyat di Aceh itu, bantuan air perlu disegerakan kerana air di negara itu sudah pasti tercemar apabila ombak melanda ke kawasan daratan. — Bernama



DR. MAHATHIR